

13 JAN 2001

Rafidah-Puteri

PUTERI UMNO, LAGI CEPAT DITUBUHKAN, LAGI BAIK, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berharap penubuhan Puteri Umno akan cepat dilaksanakan memandangkan semua perancangan ke arah penubuhannya telahpun dibuat.

"Lagi cepat Majlis Tertinggi (MT) buat keputusan, lagi baik. Kita tak ada masalah lagi dah," katanya kepada pemberita selepas majlis Hari Raya Pergerakan Wanita Umno di Istana Budaya di sini hari ini.

Semalam, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi parti bahawa mesyuarat itu menengguhkan sementara keputusan mengenai penubuhan Puteri Umno kerana perbincangan mesyuarat itu banyak tertumpu kepada isu penyatuan dan perpaduan orang Melayu.

Rafidah berharap penubuhan Puteri Umno dapat dibincangkan pada mesyuarat MT akan datang.

Ketika diitanya sama ada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh exco Wanita Umno mengenai Puteri Umno seperti had umur keanggotaan ialah di bawah 30 tahun akan diterima oleh MT, beliau berkata adalah menjadi harapan semua anggota Wanita supaya cadangan-cadangan itu diterima.

"Kita rasa MT akan terima sebab ianya adalah pandangan dan cadangan termasuk dari peringkat akar umbi," katanya.

Beliau juga berkata selain had umur keanggotaan Puteri Umno adalah di bawah 30 tahun, ia juga akan mempunyai pakaian seragam dan lagu sendiri, jawatankuasa penaja sendiri dan akan ditubuhkan di semua peringkat.

Rafidah juga berkata wanita yang berumur bawah 30 tahun yang ingin menyertai Umno boleh memilih sama ada menyertai Puteri Umno atau Pergerakan Wanita Umno.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood dan bekas Ketua Pergerakan Wanita Umno Tan Sri Aishah Ghani turut hadir pada majlis itu.

-- BERNAMA

NZ AZZ FAZ